

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

HSA 101- Pengantar Sejarah

Tarikh: 13 April 1987

Masa: 2.15 ptg - 5.15 ptg

(3 Jam)

Jawab EMPAT(4) soalan. DUA(2) soalan daripada Bahagian A dan DUA(2) soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. "Walaupun sejarah adalah suatu sains tetapi pendekatannya adalah berbeza daripada ilmu-ilmu lain seperti sains tulen dan sains kemasyarakatan." Bincangkan.
2. Apakah garis panduan yang biasa membantu ahli sejarah dalam proses penafsiran sumber-sumber yang ketulinannya telah dipastikan?
3. Bincangkan pendekatan-pendekatan seperti teori orang besar dan kesesuaian masa yang biasa digunakan oleh ahli sejarah untuk menjelaskan sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu.
4. "Keobjektifan sejarah tidak berasaskan kebenaran mutlak atau ketepatan fakta tetapi didasarkan kepentingan interpretasi dan perkaitan antara fakta dan penafsiran". Bincangkan.

BAHAGIAN B

5. Bincangkan pendapat LaRue Van Hook yang mengatakan bahawa persamaan hak-hak politik yang sempurna di kalangan warganegara-warganegara telah wujud di Athens dalam zaman Pericles?

6. "Pemberontakan-pemberontakan rakyat sekutu-sekutu adalah tercetus oleh imperialisme Athens yang benar-benar bersifat kejam.
Bincangkan.

7. Setujukah anda dengan pendapat Profesor Jones bahawa punca utama keruntuhan dan kejatuhan Empayar Rom adalah serangan dari luar yang tertumpu di bahagian Barat?

8. Para ahli sejarah mengakui bahawa tamadun Eropah Barat terhasil daripada suatu sintesis di mana agama Kristian, kebudayaan Jerman dan pengaruh Yunani-Rom telah berpadu hingga melahirkan suatu tamadun yang tersendiri.
Bincangkan.

-ooo000ooo-